

11 NOV 2003

Dewan-Perak (Mahathir)

DEWAN PERAK LULUS USUL TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

IPOH, 11 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri Perak hari ini meluluskan usul terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, selain menyatakan sokongan terhadap penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketika membentangkan usul itu, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata Dr Mahathir telah meninggalkan suatu khazanah yang tidak ternilai harganya untuk semua rakyat Malaysia iaitu kekuatan minda dan keyakinan diri yang kini menjadi bekalan buat memacu diri, bangsa dan negara untuk terus maju.

Katanya, rakyat Perak bertekad dan berikrar untuk terus berjuang dalam kesepaduan dan dengan sepenuh jiwa demi mencapai apa yang dihasratkan oleh Dr Mahathir iaitu membina sebuah negara yang berdaulat dan bangsa yang bermaruah, yang mampu mempertingkatkan kemajuannya setanding dengan negara-negara maju di dunia.

Tajol Rosli berkata Dr Mahathir telah berjaya meletakkan Malaysia di landasan yang betul dan kukuh bagi mempermudah Malaysia melangkah ke hadapan menuju taraf negara maju menjelang tahun 2020.

"Sesuai dengan pepatah Melayu "patah tumbuh hilang berganti", dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima," katanya.

Datuk Tan Chin Meng (BN-Bercham) ketika menyokong usul itu berkata kejayaan paling besar Dr Mahathir ialah menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

" Tanpa semangat perpaduan dan keamanan, kita tidak akan berjaya mencapai tahap kesejahteraan yang kita nikmati sekarang ini. Bagi Perdana Menteri yang baru, beliau telah mewarisi sebuah negara yang aman, moden dan progresif yang berhadapan dengan pelbagai cabaran politik dan ekonomi dari

dalam dan luar negara," katanya.

Ketua pembangkang, Nga Kor Ming (DAP-Pantai Remis) pula berkata Dr

Mahathir perlu dipuji atas sekurang-kurangnya dua perkara iaitu Wawasan

2020 dan pengenalan slogan "Bersih, Cekap dan Amanah".

" Bagaimanapun, masih banyak kelemahan dalam pentadbiran Dr Mahathir,

seperti rasuah," katanya.

Saarani Mohamad (BN-Lenggong) berkata sebagai manusia, Dr Mahathir

tidak dapat lari melakukan kesilapan tetapi jasanya tidak boleh dinafikan.

" Dr Mahathir tidak minta diagung-agungkan tetapi kita sebagai manusia,

kita perlu berterima kasih walaupun terdapat sedikit kelemahan pada diri

beliau," katanya.

-- BERNAMA

KAY MAI